


PENGURUSAN PENYAKIT KELAMIN YANG DIBERI DI KLINIK KESIHATAN

1. pemeriksaan fizikal
2. rawatan diberi pada hari yang sama
3. ujian makmal
4. ujian HIV
5. kaunseling.
6. rawatan susulan
7. pemeriksaan pada pasangan anda
8. rujukan ke Doktor Pakar
9. rujukan ke agensi lain



SEKIRANYA ADA TANDA-TANDA PENYAKIT
KELAMIN, ANDA DAN PASANGAN ANDA BOLEH
MENDAPAT RAWATAN AWAL DI KLINIK
KESIHATAN. SEGALA MAKLUMAT ADALAH
RAHSIA.


TAHUKAH ANDA???

ORANG YANG MENGHIDAP PENYAKIT
KELAMIN BERSIKO 10 KALI GANDA
UNTUK DIJANGKITI HIV

JIKA TERDAPAT SEBARANG
KEMUSYKILAN SILA HUBUNGI
KLINIK KESIHATAN YANG
BERHAMPIRAN



PENYAKIT KELAMIN



Terbitan

Cawangan AIDS/STD, KKM
Dengan kerjasama
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

APA ITU PENYAKIT KELAMIN

Penyakit kelamin ialah sejenis penyakit yang disebarkan daripada seseorang ke seseorang melalui hubungan seks.

JENIS-JENIS PENYAKIT

- Syphilis
- Gonorrhoea
- Jangkitan HIV/AIDS
- Kandidiasis
- Herpes kelamin
- Dan lain-lain

TANDA-TANDA JANGKITAN

- keluar cecair kekuningan luar biasa dan berbau busuk daripada alat kelamin lelaki dan perempuan
- Berkudis dan ketumbuhan pada alat kelamin.
- Gatal dan ruam di sekeliling alat kelamin
- Terasa sakit atau pedih semasa membuang air kecil.

AKIBAT JIKA TIDAK DIRAWAT



- boleh menjangkiti pasangan seks
- jika ibu mengandung boleh
 - menjangkiti bayi dalam kandungan.
 - kecacatan pada bayi

APA YANG PERLU DIBUAT JIKA TERDAPAT TANDA-TANDA PENYAKIT KELAMIN

- berjumpa dengan doktor anda untuk mendapat rawatan awal.
- Membawa pasangan seks anda untuk pemeriksaan dan mendapatkan rawatan
- menggunakan kondom semasa melakukan hubungan seks

PENYAKIT KELAMIN BOLEH DICEGAH SEKIRANYA ANDA

- 1) bersikap setia pada pasangan dan keluarga
- 2) menjauhi seks luar nikah
- 3) menggunakan kondom dengan cara yang betul
- 4) elakkan dari mengadakan hubungan seks dengan orang yang telah dijangkiti/orang yang ramaipasangan seksnya